

# Undang-undang Pentadbiran Fatwa Di Malaysia

Suwaid b. Tapah

## Abstract

*The differences exist between the enactments of the administration of Syarak law of the states in Malaysia have influenced the form of the fatwa administration in the respective states. The fatwa committee of the individual state is formed subjected to the regulations provided by the enactment of the state concerned. The current study will analyse the position, function and authority of the committees in solving contemporary issues pertaining to the Syarak law.*

## Pendahuluan

Berbagai persoalan hukum semasa dihadapi oleh masyarakat Islam di negara ini sekarang. Antara contohnya ialah zakat gaji, transaksi bon simpanan, penanaman gigi, ibu tumpang, pengendalian mayat pengidap AIDS dan lain-lain. Persoalan-persoalan ini memerlukan jawapan segera dari mereka yang diberi kuasa oleh pemerintah menurut Hukum Syarak. Kuasa ini perlu dimanfaatkan demi menjamin perkembangan ilmu fiqh dari tidak menjadi jumud. Perkembangan semasa perlu selaras dengan kehendak Syariat.

Tulisan ini cuba menjelaskan peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada Mufti atau Jawatankuasa yang dipengerusikannya mengeluarkan fatwa-fatwa yang berkaitan dengan perkara-perkara Hukum Syarak, dan kuasa kerajaan-kerajaan negeri dalam perkara ini.

### Pembentukan Jawatankuasa Fatwa

Setiap negeri di Malaysia memperuntukkan penubuhan sebuah jawatankuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengeluarkan sesuatu fatwa. Kedudukan ahli-ahli yang menganggotai jawatankuasa ini tidak seragam di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain. Ini kerana kuasa untuk mentadbir hal ehwal agama Islam termasuk soal-soal fatwa adalah di bawah bidangkuasa kerajaan-kerajaan negeri.

Terdapat berbagai-bagai nama diberikan kepada jawatankuasa ini. Namun fungsi atau matlamat penubuhannya adalah sama. Di Johor, jawatankuasa ini dikenali sebagai "Lujnah Fatwa" yang dianggotai oleh seorang Mufti sebagai pengurus dan tidak lebih dari empat orang yang menjadi ahli Majlis yang berkelayakan bagi mengeluarkan fatwa.<sup>1</sup>

Di Terengganu, Kedah dan Sarawak ia disebut sebagai "Jawatankuasa Fatwa". Di Terengganu, jawatankuasa ini terdiri daripada Mufti dan tidak lebih daripada tiga orang ulama` dari kalangan ahli-ahli Majlis serta tidak kurang dari empat orang yang layak dan munasabah samada mereka itu ahli Majlis atau tidak.<sup>2</sup> Di Kedah ia dianggotai oleh seorang Pengurus, dua orang ahli Majlis serta tidak kurang dari dua orang atau tidak lebih dari enam orang yang berkelayakan yang bukan ahli Majlis.<sup>3</sup> Manakala di Sarawak pula, jawatankuasa ini dianggotai oleh seorang Mufti, tidak lebih dari dua orang ahli yang menjadi anggota Majlis dan tidak lebih dari empat orang yang layak samada ahli Majlis atau tidak.<sup>4</sup>

Manakala di Kelantan, jawatankuasa ini dikenali sebagai "Jama`ah Ulama`"<sup>5</sup>. Jama`ah ini terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti<sup>6</sup> dan tidak kurang dari lapan orang yang berkelayakan.

Di Selangor, ia dikenali sebagai "Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak" yang dianggotai oleh seorang Mufti sebagai Pengurus, Timbalan Mufti, Penasihat Undang-undang Negeri, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam yang mahir dalam Hukum Syara` dan sekurang-kurangnya dua orang dan tidak lebih dari lima orang yang mahir dalam Hukum Syara'.<sup>7</sup>

Sementara di Wilayah Persekutuan dan Sabah pula, jawatankuasa ini dikenali sebagai "Jawatankuasa Undang-undang Majlis". Di Wilayah Persekutuan, jawatankuasa ini dianggotai oleh Mufti, tidak lebih dari dua orang yang menjadi ahli Majlis dan tidak kurang dari dua orang yang berkelayakan samada menjadi ahli Majlis atau tidak.<sup>8</sup> Manakala di Sabah, jawatankuasa ini terdiri daripada Mufti, tidak kurang dari dua orang ahli Majlis dan tidak kurang dari empat orang lain yang layak samada terdiri daripada ahli Majlis atau tidak.<sup>9</sup>

Di Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Perak, Pulau Pinang dan Melaka, jawatankuasa ini dikenali sebagai "Jawatankuasa Syariah". Di Negeri Sembilan, ia dianggotai

oleh Mufti, dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang mahir dalam Hukum Syarak dan sekurang-kurangnya tiga orang tetapi tidak lebih dari lima orang yang dilantik oleh Majlis yang mahir dalam Hukum Syarak.<sup>10</sup> Manakala di Pahang, jawatankuasa ini dianggotai oleh Mufti sebagai Pengerusi, tidak lebih dari empat orang ulamak yang menjadi ahli Majlis, dan tidak lebih dari empat orang ulamak yang bukan ahli Majlis.<sup>11</sup>

Di Perlis, jawatankuasa ini dianggotai oleh seorang Mufti<sup>12</sup> dan enam orang lain yang berpegang kepada mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jama‘ah, termasuk tidak lebih dari tiga orang ahli Majlis.<sup>13</sup> Sementara di Perak, jawatankuasa ini dianggotai oleh Mufti sebagai Pengerusi, tidak lebih daripada empat orang ulamak yang menjadi ahli Majlis dan tidak lebih daripada empat orang ulamak yang berkelayakan yang bukan ahli Majlis.<sup>14</sup> Manakala di Pulau Pinang, ia dianggotai oleh Mufti, dua orang anggota Majlis yang lain dan tidak lebih dari dua orang Islam bukan ahli Majlis yang mempunyai kelayakan.<sup>15</sup> Sementara di Melaka, terdiri daripada Mufti sebagai Pengerusi, dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis dan sekurang-kurangnya tiga orang, tetapi tidak lebih daripada lima orang terdiri daripada mereka yang mahir dalam Hukum Syarak.<sup>16</sup>

### **Fungsi Dan Kuasa Mufti**

Jawatankuasa yang dibentuk di bawah Majlis Agama Negeri memang mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar khususnya dalam menangani permasalahan hukum-hukum Islam semasa. Umumnya Mufti-mufti (jawatankuasa-jawatankuasa) ini berfungsi untuk menasihati DYMM Sultan dalam negeri masing-masing berkenaan semua perkara yang berkaitan dengan Hukum Syara‘.<sup>17</sup> Di Terengganu, fungsi Jawatankuasa ini diperuntukkan dengan jelas iaitu menjadi sebuah badan yang menasihati Majlis tentang kewajiban Majlis dalam usaha menganjur, mendorong, membantu, dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam bagi menjamin supaya kegiatan-kegiatan yang dijalankan itu tidak melibatkan unsur-unsur yang tidak dibenarkan oleh ajaran Islam.<sup>18</sup>

Fungsi yang lebih besar dari itu ialah Mufti (Jawatankuasa) berperanan untuk memperkembangkan fiqh Islam mengikut realiti semasa. Pada asasnya Mufti telah diberi kuasa oleh undang-undang untuk meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana fatwa terdahulu atau yang dikeluarkan olehnya sendiri. Walau bagaimanapun, setengah-setengah negeri memperuntukkan dengan jelas tentang kuasa Mufti mengeluarkan sesuatu fatwa atas daya usahanya sendiri selain daripada permohonan-permohonan dari pihak lain.<sup>19</sup>

Pada asasnya kuasa-kuasa yang diperuntukkan itu menepati konsep bahawa hukum Islam itu sesuai dalam semua masa dan keadaan. Bagaimanapun pencapaiannya terhenti kepada samada ia dimanfaatkan dengan bersungguh-sungguh atau sebaliknya. Pelopor-pelopor mazhab yang muncul pada zaman kegemilangan Islam telah berjaya meletakkan hukum-hukum Islam itu berkembang sesuai dengan kehidupan semasa masyarakat Islam di mana tokoh-tokoh ulamak itu hidup.

Umumnya, Mufti merupakan tunggak kepada Majlis Agama Islam di setiap negeri. Bagaimanapun kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk mengeluarkan apa-apa fatwa masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Ini kerana kebanyakan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa hanya tertumpu kepada hukum-hukum yang telahpun dicatatkan di dalam kitab-kitab fiqh yang muktabar. Sedangkan banyak isu-isu semasa yang memerlukan ijihad Mufti dan jawatankuasa ini masih belum mendapat perhatian sewajarnya. Kaedah-kaedah fiqh yang telah dibentuk oleh ulamak-ulamak fiqh terdahulu tidak dikembangkan menurut sewajarnya atau sekurang-kurangnya dimanfaatkan sepenuhnya.

### **Bagaimana Fatwa Dikeluarkan**

Sesuatu fatwa yang akan dikeluarkan harus melalui proses-proses tertentu sebelum ia diwartakan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Mana-mana individu, jabatan, institusi dan malah kerajaan sendiri boleh membuat permohonan secara bertulis yang dialamatkan kepada Majlis Agama melalui Setiausaha Majlis meminta sesuatu fatwa mengenai sesuatu masalah Hukum Syara'.<sup>20</sup>

Hanya masalah-masalah yang kritikal akan dimajukan kepada jawatankuasa yang dipengerusi oleh Mufti. Manakala semua masalah yang dianggap remeh dan dangkal akan diberi jawapan oleh Mufti sendiri. Mufti juga diberi kuasa untuk mengarahkan sesuatu kajian atau penyelidikan dibuat terlebih dahulu sebelum ia dibincangkan oleh jawatankuasa tersebut.

Sesuatu penyelesaian hukum bagi masalah yang berkaitan dengan Hukum Syara' itu tidak dianggap sebagai fatwa melainkan setelah ia diwartakan. Pem-beritahuan di dalam Warta Kerajaan akan membezakan di antara sesuatu kenyataan itu dianggap fatwa yang mengikat atau sebaliknya.<sup>21</sup>

### **Kuatkuasa Fatwa Dan Peruntukan Berkaitan**

Keputusan Jawatankuasa Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Negeri adalah mengikat orang-orang Islam dalam negeri masing-masing apabila fatwa atau keputusan Jawatankuasa itu diwartakan.<sup>22</sup> Ini bermakna Majlis diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendakwa seseorang yang mengingkari fatwa yang dikeluarkan itu. Walau bagaimanapun peruntukan-peruntukan yang dibuat oleh negeri-negeri tidak begitu jelas dan tidak seragam.

Di Kedah, mana-mana individu muslim yang melanggar atau tidak mematuhi fatwa yang telah diwartakan dianggap melakukan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih dari enam bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.<sup>23</sup>

Walau bagaimanapun, kebanyakan negeri memperuntukkan dalam enakmen negeri masing-masing kesalahan mengeluarkan sesuatu fatwa samada melalui tulisan atau perkataan (selain daripada fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama) dan kesalahan menghina agama termasuk menghina mana-mana fatwa yang dikeluarkan

oleh Majlis. Di Kedah, jika sabit kesalahan boleh dikenakan penjara tidak lebih dari enam bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.<sup>24</sup> Sementara di Selangor dan Wilayah Persekutuan, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan.<sup>25</sup> Di Perak, hukuman yang diperuntukan ialah penjara tidak lebih dari enam bulan atau denda tidak melebihi lima ratus ringgit.<sup>26</sup> Manakala di Perlis, kesalahan demikian boleh dikenakan penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda tidak melebihi tiga ratus ringgit atau kedua-duanya.<sup>27</sup>

Manakala di Johor, kesalahan mengeluarkan fatwa selain fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti atau Majlis, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih dari tiga bulan atau kedua-duanya sekali dan segala fatwa bertulis itu akan dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah. Di Sarawak, hukuman yang akan dikenakan tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali, dan fatwa itu jika bertulis hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.<sup>28</sup> Sementara di Melaka, kesalahan demikian boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih dari setahun atau kedua-duanya sekali.<sup>29</sup> Di Terengganu, hukuman lebih berat diperuntukkan iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>30</sup> Begitu juga di Kelantan, kesalahan mentafsir secara menyeleweng mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.<sup>31</sup>

Enakmen Johor juga memperuntukkan kesalahan menghina mana-mana fatwa (samada secara lisan atau tulisan) yang dikeluarkan dengan sah menurut undang-undang. Hukuman yang diperuntukkan jika sabit kesalahan ialah tidak lebih dari satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>32</sup> Di Terengganu kesalahan demikian boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>33</sup> Manakala di Perlis, hukuman yang diperuntukkan ialah penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak lebih dari lima ratus ringgit, atau kedua-duanya.<sup>34</sup> Di Melaka, hukuman bagi mereka yang menghina fatwa adalah berat iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tiga tahun atau kedua-dua sekali.<sup>35</sup>

Walau bagaimanapun di Kelantan, kekecualian dari mengikuti dan berpegang dengan fatwa itu juga diperuntukkan sekiranya seseorang Islam itu bukan bangsa Melayu dan dia tidak tertakluk kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.<sup>36</sup> Sementara di Selangor, seseorang itu dikecualikan dari mengikut sesuatu fatwa sekiranya dia dibenarkan oleh Hukum Syara' dalam perkara yang melibatkan kewajiban peribadi, kepercayaan atau pendapat<sup>37</sup> Manakala di Perlis, kesalahan yang dimaksudkan itu adalah tidak termasuk mereka yang memberi fikirannya di atas mana-mana perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak atau adat istiadat Melayu.<sup>38</sup>

## Rujukan Fatwa

Kecuali negeri Perlis, kesemua negeri di Malaysia telah menjadikan aliran (mazhab) Syafi'i<sup>39</sup> sebagai pendapat yang lazimnya diikuti. Enakmen negeri Perlis hanya memperuntukkan rujukan kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah (s.a.w). Sekiranya pendapat-pendapat atau alasan itu berlawanan dengan faedah umum maka Majlis dan Jawatankuasa Syariah hendaklah mempersempahkan fatwa dan pendapat itu kepada Raja untuk mendapatkan keputusannya. Majlis juga hendaklah mengambilkira adat istiadat Melayu atau undang-undang adat istiadat Melayu yang terpakai di negeri ini.<sup>40</sup>

Di negeri-negeri lain, sekiranya pendapat mazhab Syafi'i bertentangan dengan kepentingan awam, Mufti diberi kebenaran mengikuti mana-mana pendapat yang muktamad dari mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali. Sekiranya pendapat dari mana-mana mazhab itu berlawanan dengan kepentingan awam maka Mufti boleh menggunakan ijтиhadnya sendiri tanpa terikat dengan mana-mana mazhab tersebut.<sup>41</sup>

Terdapat sedikit perbezaan peraturan di negeri-negeri dalam mengambil pendapat-pendapat dari mazhab lain. Di Kedah, Pahang dan Perak, sekiranya pendapat muktamad dari Mazhab Syafie itu bertentangan dengan kepentingan awam maka Jawatankuasa Fatwa boleh tanpa perkenan DYMM Sultan mengambil pendapat-pendapat Syafie yang lemah. Sekiranya pendapat Syafie yang lemah itu juga bertentangan dengan kepentingan awam maka Jawatankuasa hendaklah terlebih dahulu mendapat perkenan DYMM Sultan menggunakan pendapat Imam Hanafi, Maliki atau Hanbali yang sesuai dan perlu dijelaskan dengan lengkap.<sup>42</sup>

Di Kelantan, Jama'ah Ulama' hendaklah terlebih dahulu mendapat perkenan DYMM Sultan untuk memakai pendapat yang lemah dalam Mazhab Syafie, sekiranya pendapat yang muktamad bertentangan dengan kepentingan awam. Keizinan khas juga hendaklah diperolehi sebelum memakai pendapat-pendapat dari mazhab yang tiga. Begitu juga sekiranya pendapat-pendapat itu bertentangan dengan kepentingan awam maka Jama'ah Ulama' boleh menggunakan pendapat dari mazhab lain yang muktabar kecuali dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan iktikad maka qaul Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah hendaklah diikuti.<sup>43</sup>

Dari segi zahirnya, keterikatan semua negeri kecuali Perlis kepada sesuatu mazhab (aliran fiqh) dianggap sebagai suatu penghormatan kepada mazhab berkenaan. Ia juga dianggap sebagai suatu asas untuk menyatukan masyarakat Islam di negara ini di-samping menjadi asas pendekatan atau disiplin untuk mengeluarkan hukum-hukum Syarak semasa. Tetapi pada hakikatnya pendekatan yang dilaksanakan menurut undang-undang tersebut itu masih menjadikan para ulamak kita memakai doktrin *talfiq* atau *takhayyur* dalam mengeluarkan sesuatu hukum yang berkaitan dengan perkara-perkara semasa. Sedangkan kedua-dua doktrin ini misalnya masih lagi termasuk dalam kategori *taqlid*. Nampaknya undang-undang telah memberi kuasa yang ketat untuk para Mufti menggunakan ijтиhad dalam memutuskan sesuatu Hukum Syarak semasa.

## **Kesimpulan**

Ketidakseragaman pentadbiran fatwa di negeri-negeri masih menjadi isu yang tidak berkesudahan. Ini kerana semua urusan pentadbiran hal ehwal agama Islam menjadi bidangkuasa kerajaan negeri. Apa-apa penguatkuasaan fatwa dalam mana-mana negeri tidak akan berkuatkuasa di negeri lain kecuali Mufti dan Jawatankuasa itu membuat keputusan yang serupa dan diwarta serta dikuatkuasakan dalam negeri berkenaan.

Sungguhpun di peringkat kebangsaan dibentuk Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, dan Jawatankuasa ini dijadikan sebagai forum untuk membincang dan memutuskan Hukum-hukum Syarak semasa, tetapi mana-mana fatwa yang diputuskan itu tidak akan berkuatkuasa di semua negeri melainkan kerajaan-kerajaan negeri berkenaan bertindak menguatkuasakannya. Masalah yang utama juga dihadapi ialah terdapat beberapa buah negeri yang tidak menganggotai Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini.

Oleh kerana pentadbiran fatwa di Malaysia tertakluk kepada enakmen-enakmen negeri masing-masing dan kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri adalah terhad, sedangkan Jawatankuasa ini masih dianggap tunggak kepada Majlis untuk menasihati Sultan dalam hal ehwal agama, maka adalah lebih praktikal kuasa-kuasa (institusi) Mufti itu diperluaskan menjadi sebuah Jabatan Kerajaan. Jabatan Mufti ini bertindak untuk menasihati kerajaan. Kerajaan tertakluk kepada nasihat jabatan ini menjalankan polisi atau dasar-dasar yang dibuat supaya selaras dengan kehendak Syariat Islam.

## Nota Kaki:

1. *Enakmen Pentadbiran Igama Islam*, Johor [Bil. 14/1978], s. 15 (1).
2. *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam*, Terengganu [Bil. 12/1986], s. 24(1).
3. *Enakmen Pentadbiran Ugama Islam*, Kedah [No. 9/1962], s. 36(1).
4. *Majlis Islam (Incorporation) Ordinance*, Sarawak, Cap. 105, s. 36.
5. *Undang-undang Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu*, Kelantan [No. 2/1966], s. 12(1).
6. Peruntukan Timbalan Mufti dibuat melalui Enakmen Kelantan (Pindaan) [No. 6/1988], s. 3(a)(b). Timbalan Mufti diberikuasa menggantikan tempat Mufti sekiranya Mufti tidak dapat hadir dalam mesyuarat Jama'ah Ulama'.
7. *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam*, Selangor [No. 2/1989], s. 34(1).
8. *AKta Wilayah Persekutuan 1974 (Pengubahaui Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor)*, [No. 3/1952], s. 40(1).
9. *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak*, Sabah [No. 1/1991], s.10(1).
10. *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak*, Negeri Sembilan [No. 1/1991], s. 33(1)(2).
11. *Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu*, Pahang [No. 8/1982], s. 37(1). Walau bagaimanapun, dalam *Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Pahang [No. 3/1991]* yang baru diluluskan. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak yang dianggotai oleh Mufti, dua orang ahli Majlis yang dilantik oleh Majlis, seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Pahang yang mahir dalam Hukum Syarak dan sekurang-kurangnya dua orang atau tidak lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Majlis yang mahir dalam Hukum Syarak (s. 39(1)).
12. *Undang-undang Pentadbiran Agama*, Perlis 1963 [No. 3/1964], s. 8.
13. Enakmen Perlis (Pindaan) [No. 7/1988], s. 2(a)(ii).
14. *Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam*, Perak [Bil. 11/1965], s. 40.
15. *Enakmen Pentadbiran Ugama Islam*, Pulau Pinang [No. 3.1959], s. 35(1).
16. *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak*, (Negeri Melaka) [No. 5/1991], s. 33(1).
17. Rujuk misalnya, Enakmen Selangor [No. 2/1989], s. 30; Enakmen Perak [Bil. 11/1965], s. 37; Enakmen Negeri Sembilan [No. 1/1991], s. 29; Enakmen Melaka [No. 5/1991], s. 29.
18. Enakmen Terengganu [Bil. 12/1986], s. 13(2).

19. Rujuk misalnya, Enakmen Selangor [No. 2/1989], ss. 31(1), 33(1); Enakmen Pahang [No. 3/1991], s. 36(1); Enakmen Negeri Sembilan [No. 1/1991], s. 30; Enakmen Melaka [No. 5/1991], ss. 30(1) dan 32(1).
20. Rujuk misalnya, Enakmen Perak [Bil. 11/1965], s. 41(1); Enakmen Kedah [No. 9/1962], s. 37(1); Enakmen Kelantan [No. 2/1966], s. 13(1); Enakmen Pulau Pinang [No. 3/1959], s. 36(1).
21. Rujuk misalnya, Enakmen Selangor [No. 2/1989], ss. 31(2); Enakmen Negeri Sembilan [No. 1/1991], s. 30(2); Enakmen Melaka [No. 5/1991], s. 30(2).
22. Rujuk misalnya, Enakmen Selangor [No. 2/1989], s. 31(3); Enakmen Kedah [No. 9/1962], s. 38(2); Enakmen Pahang [No. 8/1982], s. 39(2); Ordinan Sarawak Cap. 105, s.38(3); Enakmen Perak [Bil. 11/1965], s. 42(2); Enakmen Kelantan [No. 2/1966], s. 14(3); Enakmen Melaka [No. 5/1991], s. 30(3).
23. *Enakmen Pentadbiran Ugama Islam*, Kedah (Pindaan Kelima) [Bil. 7/1987], s. 2.
24. Enakmen Kedah (Pindaan Keempat) [No. 6/1984], s. 2.
25. *Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Selangor* (Pindaan) [No. 3/1984], s. 21 meminda s. 168 Enakmen Ibu dan Akta Wilayah Persekutuan [1974], s. 172.
26. Enakmen Perak [Bil. 11/1965], s. 168(1).
27. Enakmen Perlis 1963 [No. 3/1964], s. 127(1).
28. *Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah*, Sarawak [No. 6/1991], s. 34.
29. *Ordinan Kesalahan Syariah*, Negeri Melaka [No. 6/1991], s. 47.
30. Enakmen Terengganu [Bil. 12/1986], s. 205(1)(3).
31. *Enakmen Kanun Jenayah Syar'iyyah*, Kelantan [No. 2/1985], s. 24(2).
32. Rujuk Enakmen Johor [Bil. 14/1978] ss. 168 dan 173.
33. Enakmen Terengganu [Bil. 12/1986], s. 209.
34. Enakmen Pelis 1963 [No. 3/1964], s. 131.
35. Enakmen Negeri Melaka [No. 6/1991], s. 63.
36. Rujuk Enakmen Kelantan [No. 2/1966], s. 14(3).
37. Enakmen Selangor [No. 2/1989], s. 31(3).
38. Enakmen Perlis 1963 [No. 3/1964], s. 127(2).
39. Lihat misalnya Enakmen Pahang [No. 8/1982], s. 39(1); Ordinan Sarawak, s. 38(1);

Enakmen Kedah [No. 9/1962], s. 38(1); Enakmen Perak [Bil. 11/1965], s. 42(1); Akta Wilayah [1974], s. 42(1); Enakmen Selangor [No. 2/1989] s. 36(1); Enakmen Terengganu [bil. 12/1986], s. 26(1); Enakmen Negeri Sembilan [No. 1/1991], s. 35(1); Enakmen Pulau Pinang [No. 3/1959], s. 37(1); Enakmen Melaka [No. 5/1991], s. 35(1).

40. Enakmen Perlis 1963 [No. 3/1964], s. 7(4)(5).
41. Rujuk misalnya, Enakmen Negeri Sembilan [No. 1/1991], s. 35(3); Enakmen Selangor [No. 2/1989], s. 36(3); Enakmen Melaka [No. 5/1991], s. 35(2)(3).
42. Rujuk Enakmen Kedah [No. 9/1962], s. 38(1) dan Enakmen Pahang [No. 8/1982], s. 39(1); Enakmen Perak [Bil. 11/1965], s. 42(1); Pulau Pinang [Enakmen No. 3/1959], s. 37(1).
43. Lihat Enakmen Kelantan [No. 2/1966], s. 14(1).